

## **KEMUDAHAN PEMBAYARAN ZAKAT: TINJAUAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN SELANGOR**

**Muhsin Nor Paizin <sup>1\*</sup>, Suhaili Sarif <sup>2</sup>**

*<sup>1</sup> Department of Syariah and Management, Academy of Islamic Studies, Universiti  
Malaya*

*<sup>2</sup> Department of Syariah and Management, Academy of Islamic Studies, Universiti  
Malaya*

---

### **ABSTRACT**

Sistem pengurusan zakat kebiasaannya dipertanggungjawabkan kepada para pemegang amanah untuk menguruskan penyimpanan dan pengaliran harta zakat. Khususnya di Malaysia, tugas amil zakat dilaksanakan oleh pemerintah negeri dibawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Bagi meningkatkan hasil kutipan zakat, sesetengah MAIN telah menubuhkan syarikat mengutip zakat sebagai langkah mengoptimumkan keberhasilan. Pihak pelaksana khususnya pemerintah pula sewajarnya membantu masyarakat dengan menyediakan kemudahan yang dapat menyokong pelaksanaan berzakat antaranya dari sudut proses penerimaan bayaran. Kajian ini akan melihat saluran-saluran bayaran yang telah disediakan dan menilai sejauh mana saluran tersebut mampu menjana keberhasilan kepada institusi zakat itu sendiri. Bagi menilai saluran-saluran ini, kajian akan merujuk organisasi yang berpengalaman dalam pengoperasian kutipan zakat iaitu PPZ dan LZS. Melihat kepada isu yang timbul, kajian ini akan menggariskan beberapa cadangan penambahbaikan berbentuk dasar untuk dipertimbangkan antaranya dari sudut penyelidikan, aktiviti promosi dan lain-lain.

---

**Keywords:** kutipan zakat, saluran bayaran, keberhasilan pungutan zakat

### **Pengenalan**

Zakat merupakan salah satu daripada lima rukun Islam. Ia satu tanggungjawab ibadat harta yang difardukan ke atas umat manusia menerusi firman Allah SWT dalam Al-Quran, dan dijelaskan dengan lebih terperinci melalui hadis Nabi Muhammad SAW. Sebagaimana Firman Allah SWT yang bermaksud:

---

\* Corresponding author: Muhsin Nor Paizin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, E-mail: muhsin.paizin@gmail.com

“Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat; dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan.” [Al-Baqarah (2): 110]

Dari sudut syarak, zakat membawa maksud: “Kadar tertentu daripada harta tertentu yang wajib dikeluarkan kepada para asnaf yang berhak menerimanya berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Syarak” (al-Qardhawi, 1973) selari dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Tiada wajib (zakat) atas kamu sesuatu pun iaitu pada emas sehingga ada 20 dinar dan telah cukup haul wajib padanya setengah dinar (1/40). Apa yang lebih dari itu, mengikut kiraan yang sama (2.5%)” (HR Abu Dawud)

Selain menjadi tanggungjawab ibadat harta, zakat turut berperanan sebagai medium pengagihan harta kekayaan sesama masyarakat dan alat yang mampu mengurangkan jurang perbezaan kekayaan sekiranya dilaksanakan secara berkesan dan efisien. Namun untuk menggarap kenyataan ini, perlulah adanya suatu strategi pengurusan yang bersifat adil dan telus. Kedudukan zakat sebagai suatu ibadat yang unik adalah pada sistem pengurusannya, yang dipertanggungjawabkan kepada para pemegang amanah iaitu amil untuk menguruskan penyimpanan dan pengaliran harta zakat.

Perkataan amil ini diambil secara langsung daripada perkataan arab yang bererti pekerja. Dalam maksud yang lebih khusus amil ialah orang yang mengambil zakat daripada pemilik harta atau pemeliharanya. Menurut al-Qardhawi (1973), amil ialah setiap mereka yang bekerja di bahagian pentadbiran zakat daripada pengutip yang mendapatkan zakat, pengawal yang menjaga dan menyimpan harta zakat, penulis, pengira dan pembahagi zakat kepada asnaf yang layak. Setiap mereka ini mendapat ganjaran daripada harta zakat agar mereka mengambil zakat daripada pemiliknya dan sebagai pemberi ingatan. Definisi ini dilihat lebih merujuk kepada pengurus zakat perseorangan, namun wujud juga sistem pengurusan berbeza iaitu amil berbentuk organisasi. Di Malaysia pengelolaan urusan zakat dikendalikan oleh pemerintah, yakni dengan penubuhan jabatan atau institusi zakat yang ditubuhkan berpandukan undang-undang yang termaktub.

### **Zakat Dalam Undang-Undang Malaysia**

Perlembagaan Malaysia dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2: Senarai Negeri, telah menyenaraikan hal berkaitan agama Islam dibawah bidangkuasa negeri-negeri. Hal ini termasuklah perkara-perkara berkaitan urusan wasiat, zakat, baitulmal dan sebagainya. Negeri-negeri telah memperuntukkan urusan kutipan dan agihan zakat melalui Akta atau Enakmen negeri masing-masing. Ini boleh dilihat dalam dalam Akta atau Enakmen pentadbiran agama Islam. Pihak berkuasa iaitu Majlis Agama Islam negeri-negeri antaranya dalam Akta 559: Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Kerajaan negeri mempertanggungjawabkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi mengendalikan segala urusan berkaitan agama di negeri-negeri termasuklah urusan pentadbiran serta pengurusan pengutipan zakat.

Bagi meningkatkan hasil kutipan zakat, sesetengah MAIN telah menubuhkan syarikat

mengutip zakat antaranya Wilayah Persekutuan yang menubuhkan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) dibawah Seksyen 8A(1) Akta 505, dan negeri Selangor yang memindahkan hampir kesemua tanggungjawab pengelolaan zakat kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS). Wilayah Persekutuan dan Selangor dianggap institusi zakat yang terawal memperkenalkan urusan kutipan zakat secara korporat. Kini, kedua-dua institusi ini menjadi peneraju utama negara Malaysia khususnya dalam aspek pengutipan zakat melihatkan kepada pencapaian keberhasilan zakat dari tahun ke tahun serta pelbagai aktiviti dakwah dan sebaran ilmu yang dijalankan dari semasa ke semasa.

### **Kepelbagaian Saluran Dan Keberhasilan**

Penambahbaikan serta pendekatan inovatif yang berterusan menghasilkan pelbagai pendekatan yang diharap dapat memudahkan para muzakki (pembayar zakat) menunaikan kewajipan mereka. Dari semasa ke semasa, pelbagai saluran bayaran zakat diwujudkan bertujuan untuk memudahkan masyarakat membayar zakat serta meningkatkan jumlah kutipan. Penambahbaikan ini sudah tentunya untuk melengkapkan tugas sesebuah institusi zakat itu sebagai amil yang beroperasi dengan cekap dan efisien.

Beberapa perkara dikenalpasti setelah melihat statistik kutipan zakat, dimana wujud saluran bayaran yang sangat jarang digunapakai dan tidak mendatangkan keberhasilan yang memberangsangkan. Sudah semestinya, institusi zakat berhasrat menyediakan medium-medium yang memudahkan proses membayar, namun beberapa isu terutamanya berkaitan aspek teknikal turut timbul yang akan dibincangkan dibahagian seterusnya.

Kertas menggariskan objektif untuk meneliti saluran bayaran yang telah disediakan oleh institusi zakat yang telah menjana keberhasilan pada masa sama menilai saluran tidak produktif. Hal ini seharusnya merujuk kepada organisasi yang berpengalaman dalam pengoperasian kutipan zakat iaitu Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS), yang sudah semestinya perlu menjadi keutamaan dalam proses penelitian ini.

Melihat kepada usaha-usaha serta kekurangan dan isu yang timbul, kertas seterusnya menggariskan cadangan-cadangan penambahbaikan berbentuk dasar untuk dipertimbangkan dengan bermatlamatkan agar pengurusan zakat akan lebih berkesan.

### **Dasar Pengkorporatan Zakat**

Wilayah Persekutuan dan Selangor merupakan negeri yang terawal memperkenalkan urus tadbir institusi zakat secara korporat dengan kaedah menubuhkan organisasi yang berasingan daripada pihak kerajaan negeri dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Sejak ditubuhkan, pelbagai perkembangan telah dilaksanakan oleh institusi-institusi ini. Hasilnya, operasi zakat yang diuruskan mencapai tahap paling efisien di Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan jumlah kutipan dan bentuk-bentuk saluran kutipan yang diwujudkan.

### **Wilayah Persekutuan**

Wilayah Persekutuan Malaysia terdiri daripada Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Badan yang bertanggungjawab memungut dan mengagihkan zakat di Wilayah Persekutuan ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Namun, pada awal tahun 90'an, corak pengurusan institusi zakat telah berubah terutamanya dari aspek kutipan zakat apabila tertubuhnya PPZ. Sejak itu, pelbagai usaha penambahbaikan dijalankan malah turut mendapat sokongan pelbagai pihak membolehkan kutipan zakat di Wilayah Persekutuan terus meningkat dari tahun ke tahun dan tren pertumbuhan terus melonjak sehingga kini. Hal ini jelas dapat dilihat pada statistik terkini kutipan zakat Wilayah Persekutuan:

**Jadual 1: Statistik Kutipan Zakat di Wilayah Persekutuan 2010 - 2013**

Jenis Zakat	2013 (RM)	2012 (RM)	2011 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan	318,789,659	264,814,612	231,654,306	192,720,172
Perniagaan	97,161,344	74,424,879	54,863,159	33,622,331
Wang Simpanan	23,377,180	20,473,912	18,435,555	15,979,481
Saham	1,483,083	1,308,424	1,047,542	1,514,556
KWSP	3,763,591	3,652,853	3,127,703	2,612,507
Emas	1,638,129	1,473,835	901,372	732,984
Perak	41,744	12,746	8,054	8,123
Lain-lain Zakat	36,657,849	35,097,037	30,011,735	27,449,924
Lain-lain Kutipan	1,719,450	1,555,343	1,280,744	995,349
Jumlah Kutipan	484,632,030	402,813,640	341,330,170	275,635,425

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2010 - 2013

Jadual 1 menunjukkan jumlah zakat terbesar yang berjaya dipungut adalah daripada zakat pendapatan yang telah menyumbang sekitar 65% daripada keseluruhan jumlah kutipan, diikuti zakat perniagaan, dan zakat wang simpanan. Pertumbuhan kutipan dari tahun ke tahun dalam sekitar 18% - 23%. Hasil pungutan zakat yang tinggi membuktikan keberkesanan dasar pengkorporatan pengurusan zakat yang bergerak secara sistematik dan profesional. Ia adalah satu pencapaian yang membanggakan lantas menambah jumlah dana zakat yang boleh dimanfaatkan.

### **Selangor**

Pengkorporatan pengurusan zakat di negeri Selangor bermula apabila Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menubuhkan Pusat Zakat Selangor (PZS) pada 15 Februari 1994 yang merupakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh MAIS. Dengan beroperasinya PZS bererti ia telah diberikan mandat untuk pengurusan pungutan zakat di negeri Selangor bagi pihak MAIS. Sehubungan itu, urusan kutipan zakat Selangor tidak lagi berada di bawah bidang kuasa Baitulmal tetapi diawasi oleh sebuah Lembaga Pengarah yang dianggotai oleh pelbagai golongan yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Pada tahun 2006, PZS kemudiannya dinaik taraf kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang diperbadankan dibawah Akta Pemegang Amanah 1952 bertujuan memberi imej baru di samping membawa tanggungjawab yang lebih besar dari segi kutipan, pengagihan zakat, perkhidmatan pelanggan dan organisasi keseluruhannya (Ahmad Shahir & Adibah, 2010). Semenjak tertubuhnya PZS / LZS, wujud peningkatan keberhasilan kutipan zakat dari tahun ke tahun. Bahkan semenjak

tahun 2005 lagi, LZS telah mencatatkan kutipan zakat tertinggi mendahului negeri-negeri lain termasuklah Wilayah Persekutuan.

**Jadual 2 : Statistik Kutipan Zakat di Negeri Selangor 2010 - 2013**

Jenis Zakat	2013 (RM)	2012 (RM)	2011 (RM)	2010 (RM)
Pendapatan	308,984,578	260,788,288	218,265,171	189,981,169
Perniagaan	92,713,771	84,925,124	79,925,920	60,497,183
Harta	39,155,226	35,991,556	32,758,071	30,183,451
Simpanan	33,957,712	30,479,991	27,820,555	26,446,843
KWSP	7,927,337	7,759,884	6,990,138	6,182,215
Saham	9,714,550	7,783,423	6,809,566	3,218,740
Tanaman	2,877,304	2,594,192	2,214,547	2,245,831
Emas	2,358,429	2,078,616	1,308,681	804,172
Ternakan	19,442	30,252	29,399	37,056
Perak	55,565	43,828	6,290	4,581
Fitrah	19,541,361	18,849,873	17,975,566	17,333,281
Jumlah Kutipan	517,305,275	451,325,027	394,103,904	336,934,522

Sumber: Laporan Pengurusan Zakat Selangor (LPZS)

Kutipan zakat pendapatan merupakan penyumbang terbesar iaitu sekitar 55% ke 59% dari jumlah kutipan setiap tahun, diikuti kutipan zakat perniagaan, zakat harta dan zakat simpanan. Ia merupakan satu pencapaian yang membanggakan membuktikan dasar pengkorporatan pengurusan zakat memberi impak positif kepada sistem zakat di Malaysia.

### Isu Dan Perbincangan

Zakat merupakan tanggungjawab harta sebagai pelakuan menyempurnakan diri seseorang individu yang bergelar muslim. Pelaksanaan tanggungjawab ini memenuhi salah satu tuntutan dalam rukun Islam. Pihak pelaksana khususnya pemerintah sewajarnya membantu masyarakat dengan menyediakan kemudahan yang dapat menyokong pelaksanaan ibadat zakat. Islam mengiktiraf usaha yang dilaksanakan oleh pemerintah dalam menambah baik kehidupan manusia untuk seiring dengan tuntutan agama.

Sebagai sebuah amil organisasi yang mengamalkan budaya kerja korporat dan tadbir urus profesional, institusi zakat sudah semestinya perlu sentiasa bergerak seiring dengan arus peredaran semasa. Iaitu dengan mengaplikasikan teknologi terkini dalam sistem pentadbiran supaya membantu masyarakat menunaikan kewajipan berzakat. Hasil daripada idea dan inovasi, maka pelbagai saluran bayaran zakat diperkenalkan. Usaha kearah membangunkan kemudahan pembayaran zakat ini dapat disandarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

“Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran” [Surah al-Baqarah (2):185]

Islam amat menggalakkan pembaharuan dan inovasi untuk ke arah kebaikan. Oleh demikian, penubuhan institusi zakat yang cekap, didokong oleh sistem perundangan serta penambahbaikan terhadap kemudahan pembayaran yang disediakan sewajarnya digunakan oleh masyarakat bagi tujuan melaksanakan ibadat ini. Antara usaha-usaha berterusan yang telah dilaksanakan oleh PPZ Wilayah Persekutuan dan LZS adalah dengan mempelbagaikan saluran bayaran bermula dengan medium klasik iaitu bayaran secara terus di kaunter dan potongan gaji, sehinggalah saluran elektronik serta medium-medium terkini dalam aplikasi gajet berteknologi tinggi.

**Jadual 3 : Statistik Kutipan Zakat Mengikut Saluran Bayaran di Wilayah Persekutuan 2010 - 2013**

<b>Saluran Bayaran</b>	2013 (RM)	2012 (RM)	2011 (RM)	2010 (RM)
Potong Gaji	270,411,540	223,448,641	198,053,888	164,061,341
Kaunter Zakat / Majlis	185,921,408	157,550,015	126,329,130	98,317,270
Kirim POS	4,149,075	3,199,217	2,996,568	3,240,418
Ejen-Ejen:				
Kaunter Bank	14,008,637	10,969,239	9,514,029	7,719,628
Deposit Cek (ATM)	11,360	7,774	11,421	25,894
Kaunter Pejabat POS	1,060,614	943,739	794,321	685,136
MYEG	156,957	33,979	-	-
Kiosk	89,744	63,019	42,036	38,987
Pelbagai Ejen Lain	2,645,671	2,090,766	2,280,671	1,680,806
Elektronik / Media Baru:				
Internet Portal (FPX/MIGS)	5,873,546	4,055,382	1,144,523	-
Arahan Tetap (Kad Kredit)	0	1,500	3,363	8,183
Arahan Tetap (Kad Debit)	0	0	3,430	3,420
MOBILE MONEY	0	0	0	-
MAMPU	0	0	0	60
Akaun Khas	245,707	319,133	84,115	-177,861
Jumlah Kutipan	484,574,259	402,682,404	341,257,495	275,603,282

Sumber: Diambil dan diubahsuai dari Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2010 - 2013

Jadual 3 telah dibahagikan kepada beberapa jenis segmen iaitu saluran utama seperti kaedah potongan gaji dan kaunter zakat / majlis, diikuti saluran konvensional seperti kiriman POS dan ejen-ejen, dan kemudiannya segmen saluran berteraskan sistem elektronik yang disokong oleh media baru.

Kedah potongan gaji, kaunter zakat dan metode kiriman POS merupakan saluran yang telah diperkenalkan dari awal sejak PPZ ditubuhkan lagi. Ketiga-tiga saluran ini mencatatkan peningkatan kutipan setiap tahun berkemungkinan disebabkan kempen berterusan pihak PPZ dalam memperkenalkan kedah ini kepada masyarakat. Tambahan pula, proses yang memudahkan menyokong kaedah ini kekal mendapat tempat di hati

pembayar.

Potongan gaji (dijenamakan dengan Skim Thohir) memerlukan para muzakki mengisi borang dan diserahkan kepada pihak majikan atau PPZ untuk dibawa ke urusan pemprosesan, dari situ pihak majikan akan membuat potongan gaji bulanan kakitangan terus kepada pihak PPZ. Kebiasaannya kaedah potongan gaji menjadi saluran utama dikalangan para pembayar (sekitar 55% dari keseluruhan kutipan). Manakala bayaran zakat di kaunter turut digalakkan dengan bertambahnya bilangan cawangan mengikut keperluan daerah setempat. Sehingga hujung 2013, PPZ telah mempunyai 11 buah cawangan termasuk 2 buah cawangan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan 1 buah cawangan di Wilayah Persekutuan Labuan. Bayaran di kaunter cawangan atau majlis bayaran zakat membawa hasil sekitar 38% dari keseluruhan kutipan setiap tahun.

Bayaran zakat menerusi ejen-ejen dilantik turut memperolehi hasil yang tinggi terutamanya menerusi ejen bank. Setiap ejen adalah dibolehkan untuk menerima wang zakat bagi pihak PPZ dengan syarat mematuhi perjanjian kontrak yang dipersetujui. Ejen adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan kepada pelanggan-pelanggan mereka supaya mengeluarkan zakat disamping menjalankan urusan perniagaan dan jual beli. Bayaran menerusi pelbagai ejen yang dilantik memberikan hasil kutipan zakat sekitar 3% dari keseluruhan kutipan setiap tahun.

Disamping jumlah kutipan yang tinggi melalui saluran-saluran utama, tidak harus diketepikan saluran berteraskan teknologi moden dan media baru yang telah diperkenalkan, antaranya bayaran atas talian di laman sesawang (*online payment*) dan sebagainya. Pembayaran internet portal hanya diperkenalkan oleh PPZ pada tahun 2011 dengan menawarkan format baru yang memfokuskan kepada pekhidmatan utama PPZ iaitu bayaran zakat berbanding sebelum ini yang hanya memaparkan informasi. Portal PPZ telah membuka satu laluan alternatif kepada pembayar zakat dari proses taksiran zakat, membuat bayaran serta semakan penyata secara terus melalui medium internet. Pengenalan kepada konsep baru ini ternyata mendapat reaksi yang menggalakkan dengan peningkatan hasil kutipan tiga kali ganda pada tahun berikutnya (2012) dan meningkat lagi sebanyak 45% pada tahun 2013.

Walau bagaimanapun jika dirujuk Jadual 3, didapati ada beberapa saluran sangat tidak produktif seperti MOBILE MONEY, MAMPU dan saluran arahan tetap (*standing instruction*) kerana setiap tahun menerima bayaran zakat dengan jumlah yang sangat minima. MOBILE MONEY diperkenalkan dengan membawa kaedah pembayaran baru menggunakan telefon bimbit. Ia telah diperkenalkan pada tahun 2006 namun sejak tahun 2009 sehingga 2013 belum memperolehi sebarang hasil kutipan zakat. Kaedah arahan tetap kad kredit dan debit juga telah diperkenalkan pada tahun 2006 dan juga gagal menerima bayaran yang memberangsangkan. Bagi saluran MAMPU iaitu satu kaedah dimana PPZ bekerjasama dengan Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dalam melaksanakan pembayaran zakat menerusi portal yang berbeza turut gagal membawa hasil kutipan zakat yang sebaiknya walaupun telah diperkenalkan sejak tahun 2009 lagi. Kajian menganggap hal sebegini berlaku disebabkan kurangnya promosi serta usaha penggalakan penggunaan saluran-saluran yang tidak produktif ini kepada masyarakat, lantas kewujudannya dilihat tidak diketahui umum justeru tidak berjaya membawa sebarang hasil yang menggalakkan.

Akaun Khas dalam Jadual 3 adalah sejenis akaun yang dibangunkan khas untuk jenis

transaksi tanpa disertakan maklumat terperinci pembayar. Pembayaran tersebut tidak dapat diproses untuk mengeluarkan resit penerimaan akhirnya menghalang wang ini dipindahkan ke proses seterusnya. Menurut laporan Mohd Rais Alias, pengurus besar PPZ pada tahun 2009:

“Terdapat banyak kes duit yang masuk tidak diketahui daripada mana dan daripada siapa. Untuk menyelesaikan kerumitan ini, Modul Kaunter Akaun Khas telah dibangunkan. Modul ini akan merekodkan segala wang masuk dan membolehkan kakitangan Unit Kewangan membuat semakan jika wang tersebut dituntut semula.”

Berdasarkan kes diatas, timbulnya isu-isu teknikal dalam pengurusan penerimaan wang zakat dimana bayaran tanpa sebarang pemantauan terperinci boleh membawa kepada masalah lain. Namun, tidak boleh dinafikan usaha telahpun dilaksanakan oleh PPZ dengan kepelbagaian saluran pembayaran akan tetapi setiap saluran tersebut akan sentiasa bergantung kepada sejauh mana tahap penerimaan masyarakat. Pihak PPZ seharusnya membuat penilaian semula terhadap saluran-saluran yang tidak berjaya menerima sebarang kutipan melaluinya.

**Jadual 4 : Statistik Kutipan Zakat Mengikut Kaedah Bayaran di Negeri Selangor 2010 - 2013**

<b>Kaedah Bayaran</b>	<b>*2013 (RM Juta)</b>	<b>2012 (RM Juta)</b>	<b>2011 (RM Juta)</b>	<b>2010 (RM Juta)</b>
Potongan Gaji	143.7	181.8	153.0	135.0
Kaunter LZS	100.5	160.3	141.9	122.7
Unit Perniagaan	51.0	64.3	60.7	45.6
Ejen Bank	13.9	19.6	15.0	11.5
Ejen Pos	2.1	3.6	3.0	3.0
Penolong Amil IPT	2.1	2.8	2.5	1.6
Jumlah Kutipan	313.3	432.4	376.1	319.4

\*Data dari Januari hingga September 2013  
Sumber: Laporan Pengurusan Zakat Selangor

Selangor menunjukkan tren peningkatan untuk semua kaedah bayaran yang diperkenalkan. Merujuk kepada Jadual 4, kaedah bayaran paling memberikan hasil didahului dengan khidmat potongan gaji iaitu sekitar 40% dari keseluruhan kutipan dan diikuti bayaran di kaunter sekitar lebih 30%. Manakala kutipan melalui unit perniagaan memberi sumbangan sekitar 15% setiap tahun, ejen bank pula sekitar 4%, ejen pos dan penolong amil IPT membawa hasil kutipan masing-masing sekitar 1% dari jumlah keseluruhan.

Kaedah potongan gaji (juga digelar Skim Berkat) menjadi kaedah utama masyarakat Islam di Selangor mengeluarkan zakat. Ia adalah hasil daripada pelbagai usaha berterusan yang berhasrat mengoptimumkan kutipan zakat lebih-lebih lagi apabila didokong oleh kerajaan negeri dengan pengenalan ‘Pekeliling Kerajaan’ pada tahun 2004. Operasi sebegini adalah bagi kakitangan kerajaan negeri membuat bayaran zakat berdasarkan pekeliling pembayaran zakat pendapatan menerusi potongan gaji. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti taksiran zakat, penghantaran notis taksiran dan taklimat yang memfokuskan agensi-agensi kerajaan di Negeri Selangor. Operasi Pekeliling



Kerajaan juga memainkan peranan besar dalam memberi impak yang cukup berkesan ke atas kutipan zakat pendapatan di LZS. Di samping itu, LZS turut menyediakan kemudahan *e-majikan* yang dibangunkan bertujuan untuk memberi kemudahan tambahan kepada para majikan yang menyertai Skim Berkat.

LZS turut menggalakkan pembayaran zakat di kaunter-kaunter cawangan yang terdapat diseluruh daerah negeri Selangor. Dari semasa ke semasa, LZS akan menambah bilangan kaunter zakat bagi kemudahan umat Islam membayar zakat dan sehingga kini LZS telah membuka 24 buah kaunter cawangan di sembilan daerah negeri Selangor.

Bagi meningkatkan kutipan zakat perniagaan, unit perniagaan LZS menjalankan pelbagai kempen penggalakan bayaran zakat perniagaan terutamanya kalangan pemilik muslim. Antara kempen yang diadakan ialah melibatkan aktiviti seperti taklimat di premis syarikat, rundingan zakat, taksiran zakat syarikat dan kutipan zakat perniagaan di premis-premis perniagaan untuk sepanjang tahun. Disamping untuk meraikan syarikat-syarikat yang membayar zakat di LZS, satu majlis pembayaran zakat diadakan dengan diselitkan program pengagihan zakat bagi memberi peluang pembayar-pembayar zakat melihat sendiri bagaimana pengagihan zakat dilaksanakan dan siapa penerima-penerimanya.

Sehingga tahun 2012, pembayaran melalui ejen bank juga memperlihatkan pertumbuhan positif setiap tahun walaupun jumlah kutipan yang dicatatkan adalah kecil. Ini menunjukkan ejen bank turut memainkan peranannya sebagai ejen kutipan zakat dan memberi kemudahan tambahan kepada umat Islam untuk melaksanakan kewajipan zakat di negeri Selangor. LZS juga telah memperkenalkan kaedah bayaran secara elektronik serta media baru seperti E-Zakat Pay (FPX) di laman web, SMS, Perbankan Telefon, perbankan internet, kad debit, Maybank phonebanking, mesin deposit bank, dan kad kredit berteraskan syariah yang menggalakkan masyarakat menunaikan zakat mereka.

Berdasarkan angka kutipan dan pencapaian yang ditonjolkan, jelas menunjukkan bahawa LZS telah melakukan banyak usaha dalam menyedarkan masyarakat untuk menunaikan ibadat zakat melalui kewujudan pelbagai kaedah pembayaran. Penerapan atau aplikasi kecanggihan teknologi semasa yang banyak digunakan oleh masyarakat seharian untuk kebaikan agama ini sewajarnya diiktiraf dan diteruskan.

## **Cadangan**

Kewajipan berzakat merupakan perkara yang telah mendapat perhatian pihak pemerintah dengan tertubuhnya institusi-institusi zakat negeri. Kesedaran masyarakat Muslim di Malaysia dilihat semakin meningkat sekiranya merujuk kepada peningkatan kutipan ekoran pelbagai kempen dakwah dan promosi serta penyediaan pelbagai kemudahan dalam saluran pembayaran zakat. Namun, dalam setiap usaha yang dijalankan serta dapatan dari hasil kajian ada ruang-ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan khususnya dari sudut dasar. Justeru, beberapa cadangan berbentuk dasar digariskan bagi menyokong usaha penambahbaikan berterusan perkhidmatan sedia ada.

1. Mempromosikan pembaharuan dan inovasi. Institusi zakat perlu mewar-warkan sebarang kemudahan bayaran zakat yang diperkenalkan kepada masyarakat. Hal ini dilihat telah diusahakan oleh institusi zakat sejak dari awal penubuhan lagi. Namun,

aktiviti promosi untuk setiap saluran seharusnya perlu seimbang sekiranya setiap institusi zakat berhasrat mengurangkan jurang perbezaan antara setiap saluran bayaran serta mengoptimumkan sebarang bentuk inovasi yang diperkenalkan kepada masyarakat

2. Menilai impak dengan unjuran keberhasilan berdasarkan kajian lapangan. Sesuatu saluran seharusnya diperlihatkan impak keberhasilannya dari sudut jumlah amaun zakat yang akan dikutip. Ia boleh dianggar dengan membuat unjuran awal kutipan dengan mengandaikan saluran ini diguna sepenuhnya atau langsung tidak mendapat sambutan. Unjuran juga seharusnya mengambilkira hasil daripada kos (*cost-benefit*), dengan memantau kos yang perlu ditanggung dalam penyelidikan dan pembangunan sesuatu saluran oleh institusi zakat.

3. Kajian lapangan (*pilot-study*) terutamanya dari sudut potensi serta penerimaan masyarakat. Sebelum melancarkan sesuatu bentuk saluran kepada khalayak umum, perlunya dilaksanakan penyelidikan lapangan terutamanya dengan meneliti pandangan masyarakat terhadap sejauh mana penerimaan mereka terhadap saluran baru. Lantas unit atau bahagian penyelidikan dalaman sesuatu institusi zakat sama ada PPZ atau LZS seharusnya memainkan peranan dengan menjadi penilai terhadap sesuatu inovasi yang ingin diterjemahkan kepada masyarakat umum. Lantas, hasil kajian dapat memberi jawapan sejauh mana potensi saluran baru sama ada memberikan hasil ataupun tidak.

4. Penilaian semula saluran sedia ada yang tidak produktif. Saluran bayaran yang memerlukan sebuah institusi menanggung kos yang tinggi, pada masa yang sama tidak memberikan hasil yang memuaskan seharusnya dinilai semula pengenalannya dalam sistem pengoperasian. Sekiranya dilihat kepada dapatan kajian, beberapa saluran telah menimbulkan beberapa isu seperti bayaran yang tidak dikenalpasti yang akhirnya menyebabkan institusi zakat bukan sahaja menanggung kos wang ringgit, malah turut merugikan masa serta tenaga. Justeru suatu penilaian semula terhadap saluran bayaran yang berisiko seharusnya dijalankan supaya keberhasilan kutipan zakat tidak dikurangi oleh kes-kes sebegini.

## **KESIMPULAN**

Kepelbagaian khususnya dalam saluran bayaran pada masa kini dapat dilihat amat membantu hasil kutipan zakat meningkat dari tahun ke tahun. Berdasarkan kepada pengalaman PPZ dan LZS dalam menempuh arus pemodenan dengan berhasrat ingin menjadi sebuah institusi yang ulung lagi efisien, didapati bahawa kaedah mempelbagaikan saluran pembayaran zakat juga merupakan satu usaha yang berkesan bagi memastikan umat Islam dapat melaksanakan atau menunaikan rukun Islam dengan lebih mudah.

Sungguhpun dalam tempoh semasa, masyarakat lebih menitikberatkan kaedah potongan gaji dan bayaran menerusi kaunter, namun kajian menganggap potensi besar di masa hadapan akan banyak bergantung kepada sejauh mana sesebuah organisasi mengaplikasikan teknologi terkini didalam pengoperasian mereka. Buktinya dapat dilihat dengan peningkatan jumlah kutipan zakat dari tahun ke tahun pada sesetengah saluran-saluran baru terutamanya internet portal. Usaha kearah ini merupakan satu pembaharuan yang memudahkan pembayar zakat melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai seorang muslim seterusnya meningkatkan keberhasilan untuk kemudiannya

memberi lebih banyak manfaat kepada para penerima wang zakat.

## REFERENCES

- Abu Dawud Sulayman ibn Ash'. *Sunan Abu Dawud*. Diambil dari <http://www.hadithcollection.com/abudawud>
- A. Shahir Makhtar & Adibah A.Wahab (2010). *Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran*. Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam 2010
- Mujaini Tarimin (2011). *Kontinuiti Pembangunan Zakat Di Malaysia*. Lembaga Zakat Selangor
- Qardawi, Yusuf (1973). *Hukum Zakat*. (ed. Salman Harun et al.; Indonesia: Litera AntarNusa, 1973)
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an* (2013). Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- LZS-MAIS, *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2010* (Selangor: 2010)
- LZS-MAIS, *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011* (Selangor: 2011)
- LZS-MAIS, *Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2012* (Selangor: 2012)
- LZS-MAIS, *Ringkasan Kutipan dan Agihan Lembaga Zakat Selangor 2013*. Diambil dari <http://www.e-zakat.com.my/laporan-lzs/>
- PPZ-MAIWP, *Laporan Tahunan Hartasuci Sdn Bhd 1992* (Kuala Lumpur: 1992)
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2005* (Kuala Lumpur: 2005)
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2006* (Kuala Lumpur: 2006)
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2007* (Kuala Lumpur: 2007)
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2008* (Kuala Lumpur: 2008)
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2009* (Kuala Lumpur: 2009)
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2010* (Kuala Lumpur: 2010)
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2011* (Kuala Lumpur: 2011)
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2012* (Kuala Lumpur: 2012)
- PPZ-MAIWP, *Laporan Zakat 2013* (Kuala Lumpur: 2013)